KPKT

RANGKA KERJA PEMERKASAAN

PIHAK BERKUASA TEMPATAN

(RKPBT)

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

KPKT

RANGKA KERJA PEMERKASAAN

PIHAK BERKUASA TEMPATAN

(RKPBT)

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

RANGKA KERJA PEMERKASAAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (RKPBT)
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Diterbitkan oleh:
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
51, Persiaran Perdana, Presint 4
62100, Putrajaya

Reka bentuk dan dicetak oleh:
D'FA Print Sdn Bhd

© Hak Cipta Terpelihara.
Tidak dibenarkan mengulang mana-mana bahagian artikel dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan bahagian dengan cara apa jua sama ada secara bentuk elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

KANDUNGAN

RANGKA KERJA PEMERKASAAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (RKPBT)

PERKARA

PRAKATA
YAB Perdana Menteri
YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

01 PENGENALAN
Aspirasi Nasional
Falsafah RKPBT
Matlamat
Cabaran PBT

02 RANGKA KERJA PEMERKASAAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (2022-2030)
Pelaksanaan RKPBT
Fokus Utama RKPBT
Objektif RKPBT
Asas-asas Utama RKPBT
Localizing Sustainable Development Goals (SDGs)

03 TERAS RKPBT

Empat Teras RKPBT
Teras 1: Organisasi Berdaya Maju, Responsif dan Adaptif
Teras 2: Pengurusan Bandar yang Berdaya Huni dan Mampan
Teras 3: Rekayasa Sumber Kewangan
Teras 4: Pemerkasaan Hubungan dan Kolaborasi Strategik

---

04 RUMUSAN

Sasaran RKPBT
Kesimpulan

---

05 MAKLUMAT TAMBAHAN

Pihak Berkuasa Tempatan

---

06 PELAN TINDAKAN

SENARAI **SINGKATAN**

AADK	Agensi Anti Dadah Kebangsaan
ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
BH	Bahagian Kemampanan Bandar dan Persekitaran Hijau
BIM	*Building Information Modelling*
CE	*Circular Economy*
CSR	*Corporate Social Responsibilities*
CLGF	*Commonwealth Local Government Forum*
IIM	Institut Integriti Malaysia
I-KPKT	Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan
IoT	*Internet of Things*
ISO	*International Organization for Standardization*
JAS	Jabatan Alam Sekitar
JWN	Jabatan Warisan Negara
JKT	Jabatan Kerajaan Tempatan
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KIK	Kumpulan Inovatif dan Kreatif
MDGs	*Millennium Development Goals*
MIDA	*Malaysian Investment Development Authority*
MNKT	Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan
MURNInet	*Malaysian Urban Rural National Indicators Network on Sustainable Development*
NACP	*National Anti-Corruption Plan* (Pelan Anti-Rasuah Nasional)
NGO	*Non-Governmental Organization* (Badan Bukan Kerajaan)
NUA	*New Urban Agenda*

OACP	*Organisational Anti-Corruption Plan* (Pelan Anti-Rasuah Organisasi)
OKU	Orang Kurang Upaya
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
PBN	Pihak Berkuasa Negeri
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PEKB	Program Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar
PSMK	Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti
PSPSA	Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam
RKPBT	Rangka Kerja Pemerkasaan Pihak Berkuasa Tempatan
RKBPM	Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia
RMKe-12	Rancangan Malaysia Ke-12
SDGs	*Sustainable Development Goals*
SPAN	Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara
SPB-PBT	Sistem Penarafan Bintang - Pihak Berkuasa Tempatan
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SWCorp	Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam
UBBL	*Uniform Building By-Law*
UNDP	*United Nations Development Programme*
UUK	Undang-Undang Kecil
WKB 2030	Wawasan Kemakmuran Bersama 2030
WUF	*World Urban Forum*

PERUTUSAN

PERDANA MENTERI MALAYSIA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Keluarga Malaysia,

Landskap pembangunan bandar di peringkat global yang berubah dengan pesat, menuntut Keluarga Malaysia untuk lebih bersedia dalam menangani cabaran urbanisasi dengan lebih berkesan. Selari dengan perkembangan itu, perkhidmatan awam juga perlu sentiasa berada pada tahap prestasi tinggi, berintegriti, dinamik dan inklusif iaitu teras penting dalam pentadbiran kerajaan yang unggul.

Dalam hal ini, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), selaku Kerajaan lapisan ketiga di Malaysia, menjadi kunci utama mencapai aspirasi tersebut. Bagi merealisasikan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030), aspirasi nasional perlu disokong dengan pendekatan yang lebih holistik. Ia bagi memastikan hala tuju negara disambut baik oleh segenap lapisan masyarakat dalam Keluarga Malaysia.

Hasrat untuk pembangunan secara saksama turut diterjemahkan melalui Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12), dengan objektif pengagihan ekonomi yang makmur, inklusif dan mampan, selaras dengan *Sustainable Development Goals (SDGs 2030)* yang menjadi komitmen negara di peringkat antarabangsa.

Justeru, pendekatan Keluarga Malaysia yang membawa falsafah kebersamaan dan inklusif merentasi sempadan agama, bangsa dan kaum telah diperkenalkan bagi menjayakan agenda pemulihan negara. Gagasan ini memerlukan komitmen daripada semua pihak, untuk bersama-sama mendepani permasalahan Keluarga Malaysia yang berhadapan dengan COVID-19 dan kemelut ekonomi.

Sehubungan itu, Rangka Kerja Pemerkasaan PBT (RKPBT) wujud tepat pada masanya dalam membantu PBT untuk terus berdaya maju di saat negara masih berhadapan dengan ancaman pandemik dan kesan rantaiannya.

Penggubalan RKPBT juga membuktikan komitmen berterusan kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk memperkukuh tadbir urus PBT, demi kesejahteraan rakyat melalui perkhidmatan yang telus serta pembangunan yang terancang dan mampan.

RKPBT 2022-2030 yang menggantikan Pelan Transformasi PBT (2016-2020), merupakan satu kesinambungan dan dikemas kini dengan pendekatan yang lebih holistik, mengambil kira hala tuju Malaysia dalam melangkah ke dekad baru.

Tahniah dan syabas saya ucapkan kepada KPKT kerana komited dalam menjadikan rangka kerja ini suatu realiti. Saya mengharapkan supaya RKPBT akan dapat memacu PBT untuk menjadi organisasi yang unggul, berdaya maju dan responsif.

Terima kasih.

#KeluargaMalaysia
#BekerjaBersamaRakyat

YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob
Perdana Menteri Malaysia

PERUTUSAN **MENTERI**

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Hampir dua tahun negara dan seluruh dunia menghadapi krisis berkembar kesihatan dan ekonomi terburuk akibat pandemik COVID-19. Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021- 2025 yang baru dilancar menggariskan hala tuju strategik pelaksanaan pendigitalan sektor awam bagi memacu agenda Kerajaan Digital yang mampan ke arah membentuk masyarakat digital.

Kerajaan menyasarkan perkhidmatan dalam talian peringkat awal ke akhir atau *end-to-end* meningkat kepada 80 peratus pada tahun 2025. Rangka dasar tadbir urus data nasional akan dibangunkan untuk menggalakkan perkongsian data antara sektor awam dan swasta yang lebih meluas.

Selari dan sejajar dengan maksud itu, ikhtiar mengarus perdana aspek pendigitalan dalam penyampaian perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) merupakan antara fokus utama KPKT dalam masa yang terdekat ini.

Matlamat teras "Keluarga Malaysia – Makmur, Inklusif, Mampan" yang diaspirasikan Rancangan Malaysia Ke-12 perlu dihayati sepenuhnya oleh setiap peringkat kepimpinan. Saya cukup yakin dan percaya, PBT mempunyai fungsi dan peranan besar dalam merealisasikan cita kemakmuran, keterangkuman dan kelestarian yang dihasratkan ini.

Pemerkasaan perkhidmatan memerlukan inovasi dan kreativiti, kepimpinan dan pengurusan yang dinamik serta berwibawa di pihak kerajaan, khasnya kerajaan tempatan yang merupakan barisan hadapan kerajaan untuk berkhidmat kepada masyarakat. Rangka Kerja Pemerkasaan Pihak Berkuasa Tempatan (RKPBT) ini diperkenalkan bagi menjadikan kerajaan tempatan lebih progresif dan dinamik seperti yang dituntut oleh pemegang taruh.

Kerajaan beriltizam melalui pelaksanaan cadangan-cadangan dalam RKPBT ini akan memberi hala tuju yang jelas ke arah kecemerlangan PBT di rantau ini. Saya yakin kerajaan tempatan di Malaysia berupaya menjadi model dan jenama yang unik seterusnya dapat diangkat sebagai contoh PBT yang terbaik di dunia pada masa depan.

Kejayaan dalam melaksanakan RKPBT ini pastinya memerlukan kerjasama dan komitmen daripada pelbagai pihak terutamanya kerajaan tempatan di negara ini. Kejayaan ini jugalah yang akan memberi sumbangan yang signifikan kepada pembangunan ekonomi negara terutamanya bagi tempoh pasca COVID-19. Sehubungan itu, kerjasama yang erat di antara kerajaan tempatan dan komuniti amatlah penting dalam menangani pelbagai isu dan cabaran serta melaksanakan langkah-langkah strategik demi mencapai agenda pemerkasaan PBT. Hakikatnya, RKPBT akan menjadi pemangkin kepada ikhtiar agenda Malaysia Yang Berdaya Huni – "*Liveable* Malaysia".

Terima kasih.

YB Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican
Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

PERUTUSAN **KETUA SETIAUSAHA**

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah kerana dengan izinNya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menghasilkan Rangka Kerja Pemerkasaan Pihak Berkuasa Tempatan (RKPBT) sebagai garis panduan dan agenda dalam memperkasakan lagi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta peranannya sebagai Kerajaan lapisan ketiga. Rangka kerja ini dibangunkan dengan mengambil kira tuntutan serta keperluan semasa dan akan datang dalam pengurusan perbandaran yang efektif dan responsif.

RKPBT memberi fokus kepada memperkasakan PBT melalui kaedah pengurusan dan pengoperasian yang lebih terkini selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030). Rangka kerja ini juga menitikberatkan perkongsian pintar antara PBT dengan agensi-agensi lain di samping bersifat *human centric* dengan menggalakkan penglibatan komuniti dalam pembangunan setempat melalui agenda-agenda ekonomi, digital, sosial dan sebagainya. Pengalaman mengharungi pandemik COVID-19 telah membuka pelbagai perspektif baharu dalam menyampaikan perkhidmatan awam bagi memenuhi sekaligus melangkaui ekspektasi rakyat terhadap PBT.

Empat (4) Teras Utama RKPBT merangkumi aspek organisasi, pengurusan bandar, sumber kewangan dan kolaborasi strategik adalah bersifat holistik. RKPBT ini bermatlamat untuk memperkasa PBT agar lebih berdaya maju ke arah pembangunan perbandaran yang cemerlang dan unggul. Kerjasama dan sokongan daripada semua pihak merupakan asas utama dalam merealisasikan RKPBT dan mencapai keberhasilan yang dihasratkan. Justeru itu, saya yakin RKPBT dapat menjadi pemangkin kelancaran sistem penyampaian oleh PBT dan dapat meningkatkan mutu perkhidmatan selari dengan hala tuju negara.

Harapan saya agar rangka kerja ini mendapat sokongan padu daripada semua pihak bagi memastikan perkhidmatan awam di bandar adalah efisien dan relevan dengan cabaran perbandaran semasa.

Terima kasih.

Datuk M Noor Azman bin Taib
Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

KEMENTERIAN
PERUMAHAN
DAN KERAJA
TEMPATAN

01

PENGENALAN

Aspirasi Nasional
Falsafah RKPBT
Matlamat
Cabaran PBT

ASPIRASI NASIONAL

Dalam mendepani cabaran era globalisasi ini, pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu melaksanakan peranan yang lebih besar dalam menyediakan kualiti perkhidmatan perbandaran yang terbaik dalam lokaliti masing-masing.

PBT sewajarnya menjadi sebuah organisasi yang berdaya saing dan mampu mentadbir kawasan lokaliti dengan baik. Keupayaan kewangan yang optimum untuk merancang, membina dan menyelenggara infrastruktur dan kemudahan awam dalam kawasan pentadbirannya dapat meningkatkan sosio-ekonomi setempat sekaligus membantu mewujudkan Malaysia yang makmur.

Pada masa yang sama, keperluan untuk memastikan keseimbangan antara pembangunan dan kemampanan persekitaran juga perlu diutamakan. Oleh itu, pandangan dan suara komuniti juga perlu diambil kira dalam pembangunan sesebuah kawasan secara inklusif.

Justeru, kemampuan PBT untuk menguruskan tanggungjawab ini akan membentuk imej PBT sebagai penyedia perkhidmatan yang terbaik dan memenuhi ekspektasi komuniti sesebuah lokaliti.

Kejayaan pelaksanaan rangka kerja ini dapat dinilai melalui tahap kepuasan komuniti setempat dengan kelangsungan tadbir urus yang baik melalui perkhidmatan perbandaran unggul serta mewujudkan negara yang berdaya huni khusus bagi Keluarga Malaysia untuk dinikmati bersama.

FALSAFAH RKPBT

Mewujudkan organisasi PBT yang berdaya maju dan cemerlang dalam menyediakan perkhidmatan perbandaran bagi memenuhi keperluan dan kesejahteraan komuniti di samping mengekalkan kemampanan persekitaran.

MATLAMAT RKPBT

Memperkasa PBT sebagai pemangkin perubahan ke arah pembangunan perbandaran yang cemerlang dan unggul selaras dengan kedudukannya sebagai Kerajaan lapisan ketiga.

CABARAN PBT

Proses perbandaran yang pesat menyaksikan landskap geografi serta corak kehidupan di bandar berubah secara mendadak. Walaupun impak urbanisasi membawa kepada kemajuan sosio-ekonomi, ia turut menimbulkan pelbagai isu perbandaran seperti kesesakan, pencemaran, keselamatan dan kemusnahan alam semulajadi. Cabaran kepada pengurus bandar kini bukan sahaja bercorak fizikal malah turut menuntut tanggungjawab sosial kepada penjagaan alam sekitar dan memastikan daya huni kehidupan masyarakat turut terbela.

Justeru, Rangka Kerja Pemerkasaan PBT digubal untuk menjadi dokumen rujukan utama yang mampu mencorak matlamat dan penetapan hala tuju agar PBT dapat bersama-sama mencapai aspirasi negara. Beberapa isu dan cabaran utama telah dikenalpasti seperti berikut:

01 Kecekapan PBT untuk bertindak terhadap perubahan dengan cepat dan menyediakan perkhidmatan berorientasikan pelanggan secara berkesan

- Persepsi negatif masyarakat terhadap pegawai dan anggota PBT yang mengamalkan rasuah masih tinggi;
- Tenaga kerja PBT yang terhad dari segi jumlah perjawatan, perkembangan karier serta peluang kenaikan pangkat dan kemajuan bakat;
- Penjajaran modal insan yang bersandarkan kepada kepakaran dan kebolehan akademik bagi pengisian perjawatan dalam organisasi masih minima;
- Kesepakatan antara Kerajaan Negeri dan PBT dalam mendapat sokongan serta *political will* bagi mendapat keputusan bersama;
- Permintaan yang mendesak daripada masyarakat kepada PBT dalam memberi perkhidmatan yang berkualiti dan pantas, memberi tekanan kepada PBT untuk memenuhi jangkaan masyarakat sebagai pelanggan; dan
- Cara kerja yang konvensional dan adaptasi kepada teknologi masih rendah serta tidak dimanfaatkan sepenuhnya.

02 Kemampuan PBT mengimbangi pembangunan dengan mengekalkan kemampanan persekitaran

- Rebakan bandar daripada perancangan bandar yang lemah membawa kesan negatif kepada kelancaran mobiliti bandar, daya huni serta kesihatan sejagat;
- Penekanan kepada pengekalan dan pemuliharaan kawasan hijau dalam perancangan pembangunan bandar masih minima; dan
- Penghijrahan ke arah bandar pintar (*smart city*) dan *smart people* untuk meningkatkan perkhidmatan bandar yang efisien masih di peringkat minima.

03 Kemampuan untuk menguruskan sumber kewangan dan menjana ekonomi setempat

- Pendapatan PBT masih terikat kepada sumber tradisional dan masih bergantung tinggi kepada peruntukan Kerajaan; dan
- Peranan PBT dalam memulai usaha perencanaan ekonomi masyarakat bagi mewujudkan ekosistem sosio-ekonomi yang mampan.

04 Kebolehan PBT dalam mendaya upaya komuniti dan menjalinkan hubungan strategik

- Libat urus PBT bersama masyarakat dalam membuat keputusan perbandaran dan penggubalan undang-undang perlu ditingkatkan;
- Kerjasama strategik PBT bersama sektor awam, sektor swasta, NGO dan institusi pendidikan dalam membangunkan komuniti masih di tahap minima;
- Kesinambungan sejarah dan warisan tempatan yang unik tidak dikekalkan atau dikembangkan sebagai satu potensi besar bagi mencipta identiti sesebuah lokaliti; dan
- Penyertaan dan kerjasama PBT diperingkat global dari segi amalan baik dan penanda aras masih boleh ditingkatkan.

RANGKA KERJA PEMERKASAAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (2022-2030)

02

Pelaksanaan RKPBT
Fokus Utama RKPBT
Objektif RKPBT
Asas-asas Utama RKPBT
Localizing Sustainable Development Goals (SDGs)

PELAKSANAAN RANGKA KERJA PEMERKASAAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Penggubalan Rangka Kerja Pemerkasaan Pihak Berkuasa Tempatan (RKPBT) merupakan komitmen berterusan Kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memperkukuh tadbir urus PBT demi kesejahteraan rakyat melalui perkhidmatan yang telus serta pembangunan yang terancang dan mampan. RKPBT yang menggantikan Pelan Transformasi PBT (2016-2020) berhasrat mewujudkan satu kesinambungan dan kemas kini dengan pendekatan yang lebih holistik dengan mengambil kira halatuju Malaysia dalam melangkah ke dekad baru.

Naratif RKPBT adalah kesinambungan komitmen kerajaan melalui KPKT. Dasar Perbandaran Negara, Rancangan Fizikal Negara, yang telah digubal, diteruskan dengan Rangka Kerja Pemerkasaan PBT yang bertujuan memberi fokus kepada peranan Kerajaan di lapisan ketiga untuk meneruskan halatuju aspirasi nasional iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) dan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

Iltizam pembangunan negara diperkukuh melalui WKB 2030 yang bertujuan untuk membangunkan negara yang lebih mampan dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat wilayah menjelang 2030. Matlamat WKB 2030 dibentuk berlandaskan 7 teras strategik iaitu penstrukturan dan penambahbaikan ekosistem perniagaan dan industri negara; sektor pertumbuhan baru; reformasi bakat dan sumber tenaga negara; memperbaiki pasaran buruh dan pendapatan pekerja; memperkukuh kesejahteraan sosial; pembangunan wilayah yang inklusif; dan peningkatan modal sosial masyarakat.

PBT telah dikenalpasti sebagai salah satu komponen penting bagi menjayakan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) di peringkat tempatan melalui Tema, Pemangkin Dasar dan Pemacu Perubahan yang dibangunkan. Beberapa bab di dalam RMKe-12 menyentuh tentang peranan PBT dalam aspek perancangan, pembangunan dan pengurusan perbandaran secara signifikan terutamanya dalam Bab 6: Mempertingkat Keseimbangan dan Keterangkuman Wilayah, Bab 7: Memperkukuh Pembangunan Sosioekonomi di Sabah dan Sarawak, Bab 8: Mempercepat Pertumbuhan Hijau Untuk Kemampanan dan Daya Tahan dan Bab 13: Memperkukuh Penyampaian Perkhidmatan Sektor Awam. Justeru itu, objektif KPKT adalah untuk terus memperkasa PBT dari segi tadbir urus yang cekap, telus, adaptif dan responsif dengan matlamat untuk meningkatkan taraf hidup rakyat di bandar yang lebih baik

RKPBT ini juga digarap selari dengan komitmen negara kepada *Sustainable Development Goals (SDGs)* dan *New Urban Agenda (NUA)*. Strategi dan pelan tindakan yang digariskan dalam rangka kerja ini meletakkan keutamaan kepada bagaimana PBT dapat menjadi agen perubahan dan memainkan peranan sebagai sebuah organisasi yang diyakini rakyat.

RKPBT memberi panduan bagaimana masalah urbanisasi dapat ditangani dengan kebolehan adaptasi dan inovasi pendekatan terkini dengan memanfaatkan penggunaan teknologi dan mengambil peluang supaya tampil kekal relevan kepada masyarakat.

FOKUS UTAMA RKPBT

RKPBT 2022-2030 membawa aspirasi negara untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju dan berdaya saing menjelang tahun 2030. PBT perlu menterjemah Agenda 2030 kepada setiap lokaliti supaya ianya bersesuaian dan mempunyai daya capai yang realistik bagi membentuk masa hadapan yang mampan sebagaimana digariskan dalam WKB 2030.

Sebagaimana negara maju yang lain, keunggulan PBT sebagai Kerajaan Tempatan memainkan peranan masing-masing dan bersama-sama berganding bahu dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat dalam mewujudkan persekitaran yang mampan demi kesejahteraan kehidupan.

Setiap PBT perlu sentiasa memantau isu serta cabaran yang berlaku dalam kawasan masing-masing. Pendekatan yang lebih meluas dan holistik perlu diambil bagi menangani isu semasa sejajar dengan pelaksanaan SDGs di peringkat tempatan.

Fokus utama bagi penggubalan RKPBT meliputi aspek berikut:

Organisasi

- Meningkatkan keberkesanan PBT dalam penyampaian perkhidmatan.
- Membentuk PBT yang berdaya saing dan melengkapi antara satu sama lain serta menggunakan teknologi terkini sebagai penggerak ke hadapan.

Alam Sekitar

- Mewujudkan persekitaran mampan.
- Membentuk PBT yang peka dengan kemampanan alam sekitar dalam melaksanakan pembangunan dan pengurusan perbandaran.

Ekonomi

- Pembangunan berlandaskan konteks tempatan.
- PBT membangunkan kelebihan daya tarikan setempat dan memenuhi ekspektasi masyarakat serta mempunyai matlamat yang berfokuskan kepada isu dalam kawasan lokaliti.

Komuniti

- Membentuk komuniti berdaya tahan.
- PBT yang mementingkan penglibatan masyarakat dan kepakaran yang wujud di kalangan masyarakat setempat dalam usaha pembangunan dan penyelesaian masalah perbandaran.

OBJEKTIF RKPBT

Bagi memenuhi kehendak dan ekspektasi komuniti dalam kawasan PBT serta memberi impak kepada aspek sosial, ekonomi dan persekitaran, RKPBT telah menggariskan empat (4) objektif utama seperti berikut:

1. Membangunkan PBT berintegriti, berwibawa, inovatif, pantas dan berkesan dalam penyampaian perkhidmatan

2. Merealisasikan pengurusan bandar yang berdaya huni dan mampan

3. Mewujudkan organisasi yang kukuh kewangan dan berkebolehan merancakkan ekonomi setempat

4. Mewujudkan kerjasama strategik dan menjalin hubungan baik antara PBT dengan komuniti/ sektor awam/ sektor swasta dan NGO untuk mencapai kebaikan bersama

ASAS-ASAS UTAMA RKPBT

Bagi merealisasikan objektif di atas, RKPBT seharusnya merangkumi segenap aspek asas agar PBT dapat merealisasikan:

Kelestarian kewangan *(financial stability)*

Keupayaan untuk menjana kewangan berdasarkan unsur setempat secara kreatif & inovatif

Keseimbangan (*equilibrium*)

Mempunyai pengetahuan dalam mewujudkan kompromi dan improvisasi dalam menyelesaikan isu

Kemampanan

Mampu berkembang dan mempunyai daya saing melalui penambahbaikan berterusan dan sumber baharu

Pembangunan peranan

Membangunkan peranan dalam pembangunan setempat sehingga mendapat pengiktirafan

LOCALIZING SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDGs)

Sustainable Development Goals (SDGs) merupakan teras Agenda 2030 bagi pembangunan mampan yang dipersetujui oleh Ketua-Ketua Negara dan Masyarakat antarabangsa pada 25 September 2015 di Persidangan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Agenda pembangunan yang diteruskan melalui SDGs merupakan kesinambungan kepada *Millennium Development Goals (MDGs)* yang berakhir pada 2015. MDGs dengan lapan (8) matlamat dan 21 sasaran diperluaskan kepada SDGs dengan 17 matlamat dan 169 sasaran. Untuk mencapai Agenda 2030 keseimbangan dalam tiga dimensi pembangunan mampan merangkumi aspek sosial, ekonomi dan alam sekitar.

Dalam memastikan kejayaan dan keberkesanan Agenda 2030, kerjasama yang jitu daripada semua pihak amat diperlukan terutamanya kerajaan tempatan dan penduduknya. Kerajaan tempatan memainkan peranan penting dalam menjayakan Agenda 2030 terutamanya dalam menyediakan perkhidmatan perbandaran dari segi struktur tadbir urus yang baik, mewujudkan inklusif sosial, pembangunan spatial yang terancang dan memastikan kemakmuran bandar dan kemampanan persekitaran. Justeru, pembangunan wilayah yang saksama dan pertumbuhan berpaksikan rakyat merupakan faktor mengapa kerajaan tempatan diletakkan sebagai nadi kepada kejayaan Agenda 2030.

KERAJAAN TEMPATAN DAN AGENDA 2030

1. Merupakan sebuah entiti yang amat dekat dalam kehidupan masyarakat tempatan dan boleh berhubung dengan masyarakat secara efektif;

2. Merupakan agensi utama dan kunci kepada masyarakat tempatan dalam memberikan respon serta maklum balas terhadap sebarang keperluan masyarakat di peringkat akar umbi; dan

3. Merupakan agensi Kerajaan terbaik dalam menghubungkan sasaran dan kehendak global dengan masyarakat tempatan.

Sehubungan itu, hala tuju yang jelas dan berfokus diperlukan bagi mengenal pasti isu dan cabaran serta cara penyelesaiannya. Aktiviti dan program yang dirangka pula perlu dilaksanakan secara bersasar dan bersesuaian bagi mendapatkan hasil yang dijangkakan. Kerajaan tempatan harus tampil relevan dengan kepimpinan yang berwibawa dan meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat mengenai pentingnya kerajaan tempatan dalam menyumbang kepada kejayaan pelaksanaan Agenda 2030. Selain itu, aktiviti dan program ini juga merupakan alat untuk mengumpul data terhadap pelaksanaan Agenda 2030.

Langkah *Localizing SDGs* juga merupakan satu amalan terbaik (*best practices*) dalam mewujudkan kerjasama antara semua pihak termasuklah kerajaan tempatan. Dengan ini, segala usaha dan inisiatif bagi menjayakan Agenda 2030 dapat dipantau dan dinilai seterusnya diberikan penambahbaikan yang bersesuaian untuk membina sebuah negara yang maju dan makmur.

Faktor kejayaan
Localizing SDGs
adalah:

1 Kerajaan tempatan penting untuk menjayakan pembangunan mampan secara inklusif. Oleh yang demikian, rakan strategik adalah diperlukan untuk memacu program dan inisiatif.

2 Kerajaan tempatan yang berkesan dapat memastikan keterlibatan pelbagai pemegang taruh di semua lapisan masyarakat. Dengan itu wujudnya rasa kepunyaan, komitmen dan akauntabiliti di kalangan komuniti setempat.

3 Pendekatan secara bersepadu daripada pelbagai peringkat dan pihak berkepentingan diperlukan untuk mempromosi agenda transformasi di peringkat tempatan.

4 Komitmen nasional yang kuat untuk menyediakan peruntukan undang-undang yang mencukupi dan organisasi yang kukuh dari segi kewangan adalah diperlukan.

PAPARAN 1

***SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS* 2030 OLEH PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB)**

03

TERAS RKPBT

Teras 1: Organisasi Berdaya Maju, Responsif dan Adaptif

Teras 2: Pengurusan Bandar yang Berdaya Huni dan Mampan

Teras 3: Rekayasa Sumber Kewangan

Teras 4: Pemerkasaan Hubungan dan Kolaborasi Strategik

TERAS RKPBT

TERAS 1

Organisasi Berdaya Maju, Responsif dan Adaptif

TERAS 2

Pengurusan Bandar Yang Berdaya Huni dan Mampan

TERAS 3

Rekayasa Sumber Kewangan

TERAS 4

Pemerkasaan Hubungan dan Kolaborasi Strategik

TERAS 1

ORGANISASI BERDAYA MAJU, RESPONSIF DAN ADAPTIF

Berdaya maju, responsif dan adaptif adalah merupakan ciri-ciri bagi sesebuah organisasi dapat diiktiraf sebagai sebuah organisasi yang unggul. Bagi mencapai tahap ini, beberapa elemen di dalam organisasi perlu dikelola dengan bijaksana melibatkan aspek kepimpinan, pengurusan sumber manusia dan strategi penyampaian perkhidmatan yang baik. Selaku organisasi yang paling dekat dengan rakyat, PBT diharap menjadi sebuah organisasi yang unggul oleh pelbagai pemegang taruh.

Imej yang baik di mata rakyat adalah kunci utama kepada PBT yang berdaya maju. Ianya perlu disemai dan dibangunkan secara berterusan dan holistik dengan bertunjangkan kepada prinsip integriti, tanggungjawab dan budaya kerja profesional. Setiap warga PBT perlu mempunyai integriti tinggi kerana mereka adalah agen penyampaian awam yang sering terdedah dengan risiko seperti kegiatan rasuah dan salah guna kuasa. Usaha memerangi gejala tidak sihat ini boleh meningkatkan imej dan kredibiliti PBT sebagai pelaksana amanah rakyat.

Sehubungan itu, strategi yang dirangka dalam Teras ini diharapkan akan dapat membantu untuk membangunkan PBT yang berintegriti, berwibawa, inovatif, pantas dan berkesan dalam melaksanakan tanggungjawab kepada negara.

PAPARAN 2

PENCAPAIAN NASIONAL SISTEM PENARAFAN BINTANG - PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT)

Sumber: Jabatan Kerajaan Tempatan

PERBANDINGAN PENCAPAIAN SPB-PBT 2013 HINGGA 2019



BINTANG	JUMLAH PBT
5 BINTANG	74
4 BINTANG	53
3 BINTANG	16
2 BINTANG	6
1 BINTANG	3
JUMLAH	152

Strategi TERAS 1

1.1 Membudayakan amalan integriti

Imej yang baik di mata rakyat adalah amat penting untuk menjadi sebuah organisasi yang unggul. PBT perlu memperkasakan aspek integriti secara berterusan melalui mekanisme semak dan imbang sedia ada seperti yang digariskan dalam Pelan Anti-Rasuah Nasional (NACP). PBT perlu terus melaksanakan program pengukuhan integriti bagi setiap warganya. Penguatkuasaan secara bersepadu dan strategik dengan melibatkan agensi lain perlu dipertingkatkan. Penglibatan orang awam selaku pemegang taruh di dalam proses perancangan dan pembangunan dasar juga wajar dipertingkatkan sebagai usaha untuk melahirkan warga PBT berintegriti tinggi.

1.2 Memperkasa pengurus bandar dan ahli majlis

Kakitangan yang berwibawa adalah amat penting bagi memastikan fungsi PBT sentiasa relevan dan dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada masyarakat. Usaha berterusan secara holistik untuk memperkasa warga PBT perlu dilaksanakan melibatkan semua peringkat bermula dari proses pelantikan dan diteruskan sepanjang perkhidmatan. PBT juga mengambil pendekatan lebih inklusif melalui usaha seperti pelantikan golongan wanita dan profesional sebagai ahli majlis serta pengambilan OKU sebagai kakitangan PBT.

1.3 Memantapkan tadbir urus

Tahap kecemerlangan perkhidmatan yang tinggi hanya dapat dicapai melalui tadbir urus organisasi yang mantap. PBT perlu sentiasa peka dengan keperluan situasi semasa dan bersedia untuk lebih adaptif termasuklah melaksanakan semakan dan pindaan ke atas undang-undang dan garis panduan sedia ada. Pematuhan kepada piawaian/ indikator tertentu yang telah ditetapkan oleh pemegang taruh juga amat penting selain dari menerapkan budaya kerja yang proaktif dan berorientasikan pelanggan serta penambahbaikan yang berterusan.

1.4 Memperkasa pengurusan aduan

Dalam era pendigitalan perkhidmatan awam, PBT harus memperkasa sistem pengurusan aduan atas talian dengan mengutamakan penggunaan Sistem i-Tegur sebagai aplikasi aduan utama. Pemerkasaan sistem pengurusan aduan harus diterjemahkan dengan respon yang pantas dalam pengurusan aduan. Tindakan ini membolehkan PBT dapat menepati tempoh masa penyelesaian aduan seperti mana yang dijanjikan dalam Piagam Pelanggan PBT.

1.5 Kesiapsiagaan kepada sebarang ancaman/ bencana alam/ ketidaktentuan

Jawatankuasa Kerja Pengurusan Bencana PBT akan memberi kuasa kepada pengurusan PBT untuk menggerakkan aset-aset penting PBT termasuk sumber manusia dan aset mudah alih dalam pengurusan bencana dan menyokong usaha Jawatankuasa Pengurusan Bencana di peringkat daerah. PBT hendaklah menubuhkan bilik gerakan di peringkat PBT dan memastikan Bilik Gerakan sentiasa bersedia untuk mengenal pasti dan memberi respon yang pantas sewaktu sebarang ancaman atau bencana. Dengan adanya jawatankuasa ini di peringkat PBT, pihak PBT jelas dengan peranannya dalam pengurusan bencana serta tindakan untuk mengenalpasti kawasan *hotspot* dan berisiko tinggi dapat ditentukan lebih awal. Penyediaan Pelan Pengurusan Risiko dan Pelan Kesinambungan Operasi PBT menjamin kesiapsiagaan PBT dalam menghadapi sebarang ancaman dan jelas dengan tindakan yang perlu dilaksanakan semasa sesuatu ketidaktentuan berlaku. Ketersediaan Bilik Gerakan di peringkat PBT dan aset yang tersedia dapat meningkatkan masa tindak balas.

1.6 Meningkatkan perkhidmatan perbandaran melalui aplikasi digital

Penyampaian perkhidmatan perbandaran melalui kerjasama strategik antara PBT/ PBN/ swasta dipergiat dengan pelaksanaan pelbagai pendekatan pendigitalan kepada para pengguna meliputi aspek pengangkutan, kemudahan awam, fasiliti, aduan, pelancongan, pusat perniagaan dan lain-lain. Selain itu, inisiatif masyarakat tanpa tunai (*cashless society*) diperhebatkan dengan menggalakkan promosi pembayaran secara dalam talian.

1.7 Mewujudkan bank data yang fleksibel dan bersepadu

Bagi memastikan keberkesanan penyampaian bantuan kepada kumpulan sasar, pemantauan serta penguatkuasaan, suatu sistem integrasi data PBT bagi lokaliti terpilih akan dibangunkan. Semua maklumat pemilik premis dan isi rumah akan dikemas kini dari semasa ke semasa dalam memastikan maklumat yang direkodkan adalah tepat dan terkini. Perkongsian data terbuka seperti laporan tahunan dan penyata kewangan kepada orang awam juga akan dipertingkatkan.

TERAS 2

PENGURUSAN BANDAR YANG BERDAYA HUNI DAN MAMPAN

Peranan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagai pentadbir bandar adalah penting bagi membentuk perancangan pembangunan jangka masa panjang yang teliti, komprehensif dan bijak. Kepesatan proses urbanisasi, pertumbuhan ekonomi dan globalisasi menguji kecekapan pentadbiran PBT selaku kerajaan lapisan ketiga di Malaysia. Institusi PBT hari ini beroperasi dalam satu suasana alam sekitar yang kompleks dan sentiasa berubah-ubah. PBT perlu bertindak kepada pelbagai cabaran, kehendak pembangunan dan ekspektasi masyarakat. Kerajaan tempatan mempunyai akses paling dekat dengan rakyat dan mereka juga merupakan barisan hadapan yang terlibat secara terus dengan masyarakat dalam menyediakan kemudahan, pembangunan dan pengurusan bandar.

Pembangunan bandar sering kali berhadapan dengan cabaran perbandaran apabila bertembung antara keperluan untuk pembangunan negara selari dengan kemajuan teknologi dan mengekalkan keseimbangan dan kelestarian alam sekitar. Perkembangan pesat sesebuah negara berhadapan dengan kesan urbanisasi memerlukan kepada tadbir urus yang cekap dan pantas. Ini diperlukan bagi mendepani isu kesesakan lalu lintas, pengurusan sampah dan sisa pepejal, perubahan demografi serta komposisi penduduk di bandar yang meningkat dengan pesat.

Sehubungan itu, strategi yang dirangka dalam Teras ini memberi penekanan kepada pelaksanaan inisiatif SDGs, Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia (RKBPM) dan ekonomi kitaran (*circular economy*) di peringkat PBT di mana fokus

diberikan untuk memberi solusi kepada masalah perbandaran dengan memastikan proses urbanisasi diimbangi dengan pemeliharaan dan pemuliharaan elemen hijau dan meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat. Strategi-strategi ini dirangka dengan berlandaskan ke arah pengurusan bandar yang berdaya huni dan mampan. Selain daripada menjadikan RKPBT ini sebagai rujukan, rangka kerja ini juga dapat mendorong serta memfasilitasi pihak PBT untuk menambah baik dan memperkasa PBT.

PAPARAN 3

STATUS KUALITI UDARA MENGIKUT BANDAR-BANDAR UTAMA 2019

Bilangan hari / *Number of days*

Stesen *State/Station*	Baik *Good* (0-50)	Sederhana *Moderate* (51-100)	Tidak Sihat *Unhealthy* (101-200)	Sangat Tidak Sihat *Very Unhealthy* (201-300)	Berbahaya *Hazardous* (>300)
Johor Bahru (Larkin)	16	338	11	-	-
Alor Setar	128	236	1	-	-
Kota Bharu	46	317	2	-	-
Bandaraya Melaka	56	293	15	1	-
Seremban	56	293	16	-	-
Kuantan	113	240	12	-	-
Ipoh (Tasek)	22	332	11	-	-
Kangar	130	235	-	-	-
Georgtown (USM)	50	305	8	2	-
Kota Kinabalu	159	203	-	2	-
Kuching	141	205	7	12	-
Shah Alam	2	317	44	1	-
Kuala Terengganu	62	297	6	-	-
Cheras, Kuala Lumpur	5	328	32	-	-
Labuan	153	212	-	-	-
Putrajaya	5	335	23	2	-

Sumber: Jabatan Alam Sekitar

Nota: Stesen yang tidak mencukupi 365 hari adalah disebabkan masalah teknikal

PAPARAN 4
KADAR URBANISASI



KADAR URBANISASI DI MALAYSIA, 2010 HINGGA 2019

Nota: Kadar urbanisasi merujuk kepada bilangan penduduk yang berada di kawasan bandar

Sumber: Survei Pendapatan Isi Rumah, 2019



KADAR URBANISASI MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA, 2019

Nota: Kadar urbanisasi merujuk kepada bilangan penduduk yang berada di kawasan bandar

Sumber: Survei Pendapatan Isi Rumah, 2019

PAPARAN 5



Nota: Data merujuk kepada negeri-negeri yang mengguna pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672).

Sumber: Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)

Strategi TERAS 2

2.1 Melaksanakan pembangunan berasaskan Rancangan Tempatan (RT)

Usaha ke arah mewujudkan bandar yang berdaya huni dan mampan perlu mengambil kira pandangan rakyat agar pembangunan yang dirancang lebih teratur dan memenuhi ekspektasi masyarakat. Selain itu, PBT akan memastikan pembangunan dilaksanakan dengan optimum dan terancang selaras dengan Rancangan Tempatan.

2.2 Mengukuhkan pelaksanaan bandar mampan sejajar dengan SDGs

Penekanan terhadap inisiatif rendah karbon dan penggunaan tenaga diperbaharui hendaklah menjadi agenda utama PBT dalam usaha mengukuhkan pelaksanaan bandar mampan. Pengurangan impak persekitaran di bandar akan menjadikan bandar lebih berdaya huni dan mampan selaras dengan SDGs.

2.3 Merancakkan pembangunan bandar pintar

Struktur tadbir urus yang holistik dan pragmatik penting dalam merencanakan agenda Bandar Pintar di peringkat nasional, Negeri dan PBT untuk melaksanakan inisiatif pintar bagi menyelesaikan masalah perbandaran di lokaliti masing-masing. Sinergi menyeluruh antara pelbagai pihak termasuk di peringkat kerajaan, pemain industri, pakar akademik dan kerjasama di peringkat antarabangsa perlu diperkukuhkan bagi mewujudkan ekosistem yang boleh merangsang dan mendokong PBT ke arah pelaksanaan inisiatif pintar. Peningkatan tahap kesedaran dan kesediaan masyarakat terhadap trend baharu pembangunan melalui penggunaan *Internet of Things* (IOT) perlu diutamakan untuk menjayakan agenda bandar pintar.

2.4 Menyokong pelaksanaan *circular economy* (CE)

Pengurusan sisa pepejal yang baik terus menjadi fokus utama dalam menangani cabaran perbandaran untuk mengekalkan persekitaran yang bersih. Pengukuhan budaya asas pelupusan sampah dengan menggunakan kaedah yang betul melalui kempen dan pendidikan berterusan kepada masyarakat. PBT berperanan menerapkan objektif pelaksanaan *circular economy,* pengurusan sisa pepejal dari ekonomi linear ke ekonomi kitaran sebagai halatuju baharu pengurusan sisa pepejal negara ke arah mewujudkan pengurusan sisa pepejal yang lebih mampan demi menjaga kelestarian alam sekitar. Fokus utama adalah untuk meminimakan jumlah janaan sisa melalui pembudayaan amalan 3R (*Reduce, Reuse, Recycle*) dan menggalakkan penggunaan semula sisa selaras dengan konsep *waste to wealth* oleh pihak industri melalui inovasi dan teknologi.

2.5 Menggalakkan penerapan pembangunan hijau

Urbanisasi dan pembangunan perindustrian memberi ancaman kepada alam sekitar. Penerapan pembangunan hijau dalam perancangan Bandar Pintar bertujuan mengekalkan warisan alam dan pembangunan secara mampan dan seimbang. Usaha ini dapat dicapai dengan mengekal dan memulih kawasan hijau bagi memastikan keseimbangan alam dalam arus pembangunan.

2.6 Memperkukuh sistem perkhidmatan perbandaran yang bersepadu (*integrated*)

Penggunaan dan pembudayaan teknologi oleh PBT sebagai pengurus bandar adalah perlu dalam meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan. Sistem bersepadu yang diintegrasikan dari pelbagai sumber data dan maklumat termasuk pemantauan data di PBT dapat memperkukuhkan perkhidmatan perbandaran. Di samping itu, dengan mengambil manfaat daripada perkembangan penggunaan teknologi baharu serta pembangunan mekanisma pemantauan dan pengumpulan data bersepadu dengan pihak berkepentingan akan dapat menambah baik kualiti hidup rakyat, menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan tahap daya saing PBT khususnya dan negara amnya.

TERAS 3

REKAYASA SUMBER KEWANGAN

Dalam keadaan ekonomi yang mencabar, kedudukan ekonomi PBT adalah faktor kritikal yang perlu diberi perhatian khusus dalam pengoperasian sesebuah organisasi yang berorientasikan penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat setempat.

Pada masa kini, pendapatan PBT boleh dikategorikan kepada hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan cukai. Hasil cukai termasuklah cukai taksiran dan Sumbangan Membantu Kadar (SMK). Hasil bukan cukai pula termasuk bayaran pemprosesan pelan, lesen, permit, sewaan, bayaran kompaun dan perolehan dari pelaburan. Terimaan bukan cukai adalah penerimaan geran keseimbangan dan geran pembangunan dari Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Sehubungan itu, bagi memenuhi ekspektasi rakyat iaitu menyediakan perkhidmatan PBT yang berkualiti dan bersistematik, PBT harus mampu menjana pendapatan sendiri dan berusaha mengukuhkan kedudukan kewangan agar dapat memberi khidmat yang lebih baik kepada rakyat.

Dalam hubungan ini, PBT perlu lebih inovatif dan dinamik dalam menerokai potensi sumber pendapatan dan menarik pelaburan baru. PBT juga dilihat sebagai agen pemangkin perubahan yang dapat membantu memacu ekonomi lokaliti dengan mencari potensi setempat. Bagi memenuhi keperluan ini, PBT digalakkan mengkaji kekuatan lokaliti masing-masing dan mengenal pasti identiti sedia ada atau baharu yang boleh dipasarkan di peringkat tempatan dan antarabangsa; justeru secara langsung akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi Malaysia.

PBT haruslah memulakan usaha merencana ekonomi lokaliti, untuk membangun rancangan dan peranan komuniti mereka dalam membentuk pertumbuhan komuniti dan menentukan penggunaan tanah. Fungsi PBT juga mempengaruhi pembangunan dan perancangan ekonomi yang meliputi perancangan, peraturan pengezonan dan percukaian. PBT juga perlulah mempunyai daya saing dalam mempraktik amalan baik atau penanda aras di peringkat antarabangsa bagi meletakkan posisi bandar di Malaysia setaraf dengan negara maju.

Strategi yang dirangka dalam Teras ini akan membantu PBT meningkatkan hasil pendapatan tambahan dan seterusnya dapat membantu PBT membangunkan lokaliti setempat tanpa terlalu bergantung kepada peruntukan tahunan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Teras ini juga sejajar dengan aspirasi Kerajaan dalam memperkembangkan kemajuan antara wilayah dan merapatkan jurang kemiskinan.

PAPARAN 6

INSIDEN KEMISKINAN MUTLAK

INSIDEN KEMISKINAN MUTLAK MENGIKUT NEGERI DAN STRATA MALAYSIA PADA TAHUN 2016 DAN 2019



Nota: Had pendapatan kemiskinan relatif mengikut 1/2 daripada penengah pendapatan bagi negeri

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

INSIDEN KEMISKINAN MUTLAK MENGIKUT KUMPULAN ETNIK KETUA ISI RUMAH DAN STRATA MALAYSIA PADA TAHUN 2016 DAN 2019



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PAPARAN 7

BILANGAN PEGANGAN DAN NILAI CUKAI TAKSIRAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN TAHUN 2020



Sumber: Jabatan Kerajaan Tempatan

PAPARAN 8

HASIL BUKAN CUKAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN TAHUN 2020



Sumber: Jabatan Kerajaan Tempatan

PAPARAN 9

PELABURAN DOMESTIK MENGIKUT SEKTOR TERPILIH (RM)







Sumber: *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA)

Strategi TERAS 3

3.1 Memperkukuh pengurusan kewangan

Pengurusan kewangan yang unggul merupakan aspek penting dalam tadbir urus PBT yang cemerlang. Melalui pengurusan kewangan yang cekap, sesebuah PBT juga mampu mengekalkan kecemerlangan kualiti perkhidmatannya. Sumber pendapatan yang kukuh juga dapat membantu sesebuah PBT melaksanakan pelbagai program pembangunan organisasi dan sosio-ekonomi yang mampu meningkatkan ekonomi setempat.

3.2 Menjana sumber kewangan dan pendapatan baharu

Salah satu fungsi PBT adalah untuk menyediakan ruang perniagaan kepada para peniaga serta menggalakkan pertumbuhan aktiviti perniagaan dan komersial dalam kawasan setempat. PBT juga perlu menjadi agen pemangkin yang lebih kreatif dan inovatif dalam mengkaji kekuatan lokaliti dan menerokai potensi sumber pendapatan baharu yang boleh dipasarkan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

3.3 Merancakkan ekonomi lokaliti dan produk tempatan

PBT dapat memulai usaha perencanaan ekonomi masyarakat, untuk membangun pelan rasmi atau mengatur perancangan dalam membentuk pertumbuhan masyarakat serta menentukan penggunaan kawasan bagi tujuan ekonomi. Fungsi PBT yang mempengaruhi pembangunan dan perancangan ekonomi meliputi pengezonan kawasan perniagaan dan percukaian.

TERAS 4

PEMERKASAAN HUBUNGAN DAN KOLABORASI STRATEGIK

PBT berperanan dalam memahami dan memenuhi keperluan masyarakat. Komunikasi dua hala antara PBT dan masyarakat menjadi fokus penting dalam membuat sesuatu perancangan dan keputusan bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif ke arah kehidupan yang lebih berkualiti serta memartabatkan jati diri yang tinggi. Selain daripada itu, PBT perlu terus memperkasa keupayaan masyarakat agar menjadi agen pembangunan yang aktif dalam mencapai pembangunan komuniti dan modal insan.

Kerjasama strategik dan usaha kolektif dengan kerajaan pusat serta syarikat swasta/NGO dan institusi pendidikan dapat memberi impak yang positif dalam menghasilkan komuniti yang membangun dan berdaya saing. Ia juga dapat memupuk rasa tanggungjawab bersama dan menjadi pemudah cara kepada rakyat.

Strategi-strategi yang dirangka juga memberi penekanan dalam memartabatkan budaya warisan dan identiti setempat. Penganjuran program kesenian dan kebudayaan dapat memberi pendedahan dan merapatkan hubungan semua lapisan masyarakat. Ia juga boleh dijadikan *selling point* bagi mempromosikan warisan dan kepelbagaian budaya sesuatu kawasan tersebut dan memperkenalkannya sebagai satu tarikan pelancong.

Pembangunan modal insan dan inisiatif yang menitikberatkan suara rakyat adalah penting supaya manfaatnya dapat diperoleh secara inklusif supaya tiada yang terpinggir terutamanya golongan rentan dan B40. Oleh itu, PBT yang cakna kepada keperluan rakyat akan bersama-sama membangunkan persekitaran yang kondusif serta membentuk kehidupan sejahtera bagi mewujudkan sesebuah lokaliti dengan daya huni yang tinggi.

PAPARAN 10
POPULASI PENDUDUK MALAYSIA 2015-2020

JUMLAH BANDAR DAN LUAR BANDAR



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

LUAR BANDAR

BANDAR

JUMLAH KESELURUHAN



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Strategi TERAS 4

4.1 Merakyatkan program yang dilaksanakan PBT

Bagi merakyatkan pelaksanaan program oleh PBT dengan pemegang taruh (penduduk, Ahli Parlimen, ADUN, Majlis Perwakilan Penduduk dan Ahli Majlis), platform komunikasi dua hala seperti libat urus dan sesi dialog awam akan disediakan semasa merangka program, aktiviti penguatkuasaan undang-undang dan lain-lain. Masyarakat setempat juga akan menjadi lebih peka dan menghayati penguatkuasaan undang-undang serta peraturan yang berkuat kuasa melalui penglibatan penduduk dalam aktiviti rondaan secara sukarela/ Rukun Tetangga dan penganjuran kempen kesedaran yang berkaitan.

4.2 Memperkasa Pembangunan Komuniti

Satu pelan pembangunan komuniti yang komprehensif akan dibangunkan dan gerak kerja pelan tersebut akan dirangka bagi memastikan keberkesanannya. Antara cadangan yang akan dilaksanakan adalah pemerkasaan peranan unit/bahagian/jabatan yang berkaitan di PBT.

4.3 Meningkatkan kolaborasi dengan rakan strategik

Kerjasama strategik oleh PBT sama ada di peringkat dalam negara (agensi pusat/ NGO/ agensi swasta) dan luar negara (dengan usaha sama KPKT dan Wisma Putra) akan diperhebat dan seterusnya diterjemahkan kepada suatu kolaborasi menang-menang dengan penggunaan sumber personel yang lebih optimum. Perkara ini akan direalisasikan dengan penganjuran aktiviti *corporate social responsibility* (CSR) yang lebih agresif serta penglibatan PBT dalam pelbagai program di peringkat antarabangsa seperti *United Nation Development Programme* (UNDP), *World Urban Forum* (WUF), *Commonwealth Local Government Forum* (CLGF), Konvensyen Bandar Pintar dan lain-lain sekali gus akan menggalakkan perkongsian ilmu serta pemindahan teknologi yang berkaitan.

4.4 Memartabatkan Budaya dan Warisan Setempat

Mengutamakan pengetahuan berkenaan budaya dan warisan yang terdapat di sesebuah PBT dengan menganjurkan program promosi yang melibatkan bangunan bersejarah, permainan, makanan, kraf tangan tradisional dan jejak warisan. Inisiatif tersebut boleh dilaksanakan dengan kerjasama rapat pemegang taruh yang berkenaan seperti Jabatan Warisan Negara (JWN). Perancangan pembangunan juga perlu dilaksanakan secara seimbang agar budaya dan warisan setempat kekal mampan.

4.5 Memaksimakan potensi komunikasi media dan aplikasi *real time*

Salah satu pelan tindakan bagi memperoleh potensi komunikasi media dan aplikasi real time secara maksima adalah melalui inisiatif pemerkasaan pelan komunikasi media. Ini mencakupi pembangunan pelan komunikasi yang berteraskan *people centric* selain pengemaskinian laman sosial PBT secara berkala dan konsisten. Selain itu, kolaborasi strategik menjurus kepada pembentukan pasukan komunikasi media yang bercirikan *people centric* mampu memaksimakan potensi inisiatif ini. Pengumpulan data melalui platform media sosial juga merupakan antara inisiatif terkini yang boleh diadaptasi dalam pelaksanaaan pembangunan di PBT.

04

RUMUSAN

Sasaran RKPBT
Kesimpulan

SASARAN RKPBT

RKPBT menyasarkan agar semua PBT di negara ini mengambil dan meraih peluang terbuka untuk kemajuan negara. Strategi dan program-program perlu disesuaikan dengan cabaran globalisasi. Cara dan kaedah kerajaan tempatan berfungsi perlu berubah ke arah perbandaran mampan dan pintar dengan pentadbiran dan penyediaan perkhidmatan terbaik bagi memenuhi keperluan dan kepuasan pemegang taruh. Usaha tersebut memerlukan daya inovasi dan kreativiti, kepimpinan dan pengurusan yang dinamik serta berwibawa, keteguhan kewangan dan kawal selia yang baik di peringkat kerajaan tempatan. Semua ini memberi cabaran kepada setiap peringkat kerajaan, khasnya kerajaan tempatan yang merupakan peringkat kerajaan yang terdekat dengan masyarakat.

PBT bukan sahaja berperanan dalam perancangan bandar malah merangkumi hampir semua perkara yang berlaku di bandar. Selaras dengan itu, rangka kerja ini menyasarkan pembentukan cadangan-cadangan dalam bentuk pelan tindakan bagi meningkat dan menambah baik lagi sistem kerajaan tempatan di Malaysia.

Untuk kekal relevan, PBT selaku *urban managers* perlu meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada rakyat seiring dengan perkembangan semasa yang menjadi semakin kompetitif akibat revolusi demografi, urbanisasi, teknologi dan komunikasi, ekonomi digital dan perluasan konsep tadbir urus yang baik (*good governance*).

Memfokuskan kepada objektif RKPBT untuk menjadikan PBT lebih progresif dan dinamik serta mampan, RKPBT telah meneliti bidang-bidang kritikal ke arah pembaharuan kerajaan tempatan. Bidang-bidang yang diteliti melalui RKPBT adalah menyeluruh termasuk *good governance*, penyertaan komuniti, kepimpinan, kewangan, penilaian dan berintegrasi dengan teknologi pintar.

KESIMPULAN

Rangka Kerja Pemerkasaan Pihak Berkuasa Tempatan (RKPBT) ini dibangunkan bertujuan untuk memperkasa PBT ke arah penyediaan perkhidmatan yang lebih cekap dan berkesan.

PBT sentiasa berpotensi untuk membangun dan diperkasa sebagaimana yang telah dilaksanakan sebelum ini. Pelaksanaan tabdir urus yang berdaya maju, responsif dan adaptif akan dapat memanfaatkan sepenuhnya peranan sedia ada. PBT juga perlu bijak mengambil peluang berdasarkan perubahan dan kepesatan proses urbanisasi, pertumbuhan ekonomi dan globalisasi serta merekayasa sumber kewangan bagi mencapai pertumbuhan dan pembangunan sosio-ekonomi sesebuah lokaliti.

Mengambil kira keperluan komuniti semasa dan cabaran-cabaran baharu pada masa hadapan, RKPBT telah menggariskan teras, strategi dan pelan tindakan yang boleh dilaksanakan di peringkat Kerajaan Negeri dan PBT. Dalam masa yang sama, KPKT sentiasa komited dalam membantu PBT menjayakan pelaksanaan rangka kerja ini bagi mencapai status PBT yang cemerlang dan bertaraf dunia.

Kejayaan sesebuah dasar memerlukan perancangan yang teliti melalui kerjasama, penyelarasan dan komitmen yang menyeluruh di peringkat Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan PBT bagi memastikan seluruh anggota masyarakat menikmati faedah perbandaran yang maksimum dan seterusnya mencapai hasrat sebagai sebuah Keluarga Malaysia, dengan meningkatkan keharmonian, kemakmuran dan kemampanan selaras dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

05

MAKLUMAT TAMBAHAN

Pihak Berkuasa Tempatan

PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Kerajaan Tempatan dalam konteks pentadbiran negara adalah kerajaan lapisan ketiga selepas Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Perkara 95 dalam Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa sebarang dasar, perundangan dan pentadbiran atau penguatkuasaan undang-undang yang hendak dilaksanakan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu mendapat persetujuan Pihak Berkuasa Negeri (PBN).

Mengikut Perlembagaan Persekutuan, PBT bertangggung jawab secara langsung kepada PBN. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) memperuntukkan bahawa Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri boleh berunding untuk mencapai persetujuan bersama dalam hal-hal berkaitan PBT. Ini termasuklah penyeragaman peraturan, garis panduan dan pekeliling. Penguatkuasaan, pembangunan dan pemajuan di kawasan PBT dilaksanakan melalui undang-undang utama seperti Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133), Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS).

Kawasan PBT merupakan kawasan yang diisytihar dan diwartakan oleh Kerajaan Negeri di bawah Seksyen 3 Akta 171 sebagai kawasan sesebuah PBT yang meliputi kawasan operasi dan

kawasan kawalan. Kawasan operasi merujuk kepada kawasan yang ditentukan oleh PBT untuk menerima perkhidmatan-perkhidmatan perbandaran. Kawasan kawalan adalah kawasan yang tidak menerima perkhidmatan perbandaran tetapi PBT mempunyai kepentingan terhadap kawasan tersebut.

Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) telah ditubuhkan di bawah peruntukan Perkara 95A Perlembagaan Persekutuan sebagai platform merunding sesuatu dasar untuk memajukan, membangunkan, dan mengawal Kerajaan Tempatan daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri. MNKT dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri dan dianggotai oleh semua YAB Ketua Menteri dan Menteri Besar bagi negeri-negeri Semenanjung Malaysia serta 10 orang YB Menteri Kabinet Persekutuan yang berkaitan. Wakil dari Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak turut dijemput hadir sebagai pemerhati.

Pada masa kini terdapat tiga (3) kategori PBT iaitu daerah, perbandaran dan bandaraya yang ditubuhkan mengikut kriteria tertentu. Persetujuan bersama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri juga diperlukan dalam aspek pewujudan sesebuah PBT, perluasan kawasan sedia ada dan naik taraf PBT daripada berstatus Majlis Daerah kepada Majlis Perbandaran dan seterusnya kepada Majlis/ Dewan Bandaraya.

Sehingga 2021, terdapat 151 PBT di seluruh negara dan empat (4) agensi yang diberi kuasa oleh Kerajaan Negeri (*modified* PBT) untuk menjalankan fungsi PBT. Dalam konteks Kerajaan Persekutuan, KPKT dipertanggungjawabkan untuk menyelia, mengawal dan membantu kemajuan PBT.

Matriks Perbandingan Kategori PBT

Kriteria	Majlis Bandaraya	Majlis Perbandaran	Majlis Daerah
Keterangan	• kawasan pusat pentadbiran sesebuah negeri	• bandar utama atau pusat pentadbiran sesebuah negeri ataupun daerah	• bandar utama atau pusat pentadbiran sesebuah negeri ataupun daerah
Penduduk	• melebihi 500,000 orang	• melebihi 150,000 orang	• kurang 150,000 orang
Pendapatan	• sumber kewangan yang mapan (*fiscally sustainable*) • hasil tahunan tidak kurang dari RM100 juta • mampu mengimbangkan perbelanjaan	• sumber kewangan yang mapan (*sustainable*) • hasil tahunan tidak kurang dari RM20 juta • menyediakan perkhidmatan yang selesa	• hasil tahunan kurang daripada RM20 juta
Perkhidmatan	• menyediakan perkhidmatan pada tahap yang tinggi	• menyediakan ruang dan peluang kepada para peniaga • menggalakkan pertumbuhan aktiviti pelaburan, perniagaan dan komersial	• lebih tertumpu kepada kemudahan infrastruktur dan utiliti awam

Kriteria	Majlis Bandaraya	Majlis Perbandaran
Pembangunan	• menekankan kepada pembangunan mapan (*sustainable development*) • memberi tumpuan kepada usaha untuk menangani isu-isu perbandaran seperti setinggan, operasi kilang haram, keselamatan, perumahan untuk golongan berpendapatan rendah dan pemeliharaan alam sekitar • Indikator bandar mapan seperti yang ditekankan dalam Sistem *Malaysia Urban Indicator Network* (MURNInet)	• perancangan bandar yang mapan (*sustainable*) yang berupaya menyediakan persekitaran yang selamat dan selesa untuk didiami. • Indikator bandar mapan seperti yang ditekankan dalam Sistem *Malaysia Urban Indicator Network* (MURNInet)
Kemudahan Lain	• mempunyai pusat perindustrian, institusi kewangan • pusat institusi pendidikan yang lengkap • pusat kepada aktiviti kebudayaan, acara sukan dan riadah • kemudahan infrastruktur yang lengkap, utiliti awam termasuklah taman-taman awam yang mesra pengguna terutamanya kepada Orang Kurang Upaya (OKU) • pengiktirafan tertentu sama ada di peringkat kebangsaan ataupun antarabangsa	• menggalakkan penduduk setempat untuk membangunkan komuniti masing-masing melalui tadbir urus bandar yang cekap seperti pelaksanaan Program *Local Agenda 21* (LA 21)

Bilangan PBT mengikut negeri dan kategori

Bil.	Negeri	Dewan/ Majlis Bandaraya	Majlis Perbandaran	Majlis Daerah	Jumlah
1	Johor	3	7	6	16
2	Kedah	1	4	6	11
3	Kelantan	0	1	11	12
4	Melaka	1	3	0	4
5	N.Sembilan	1	2	4	7
6	Pahang	1	2	8	11
7	P.Pinang	2	0	0	2
8	Perak	1	4	10	15
9	Perlis	0	1	0	1
10	Selangor	3	8	1	12
11	Terengganu	1	2	4	7
12	Sabah	1	2	23	26
13	Sarawak	3	4	19	26
14	Wilayah Persekutuan	1	0	0	1
	Jumlah	**19**	**40**	**92**	**151**

Seksyen 2 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) – PBT ertinya mana-mana Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah dan bagi Wilayah Persekutuan ertinya Datuk Bandar Kuala Lumpur yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta Ibu Kota Persekutuan 1960.

Akta 171 hanya digunapakai di Semenanjung Malaysia sahaja. PBT di Sabah dan Sarawak mempunyai Ordinan Kerajaan Tempatan masing-masing.

Bilangan PBT mengikut kategori di Malaysia:

Bandaraya	Perbandaran
19 buah	**40** buah
Daerah	*Modified* PBT
92 buah	**4** buah

Jumlah

155 buah

PAPARAN 11 SENARAI PBT MENGIKUT NEGERI



PERLIS

Majlis Perbandaran Kangar

KEDAH

Majlis Bandaraya Alor Setar
Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan
Majlis Perbandaran Sungai Petani
Majlis Perbandaran Kulim
Majlis Perbandaran Kubang
Majlis Daerah Baling
Majlis Daerah Bandar Baharu
Majlis Daerah Padang Terap
Majlis Daerah Pendang
Majlis Daerah Sik
Majlis Daerah Yan

PULAU PINANG

Majlis Bandaraya Pulau Pinang
Majlis Bandaraya Seberang Perai

PERAK

Majlis Bandaraya Ipoh
Majlis Perbandaran Manjung
Majlis Perbandaran Taiping
Majlis Perbandaran Kuala Kangsar
Majlis Perbandaran Teluk Intan
Majlis Daerah Gerik
Majlis Daerah Kerian
Majlis Daerah Batu Gajah
Majlis Daerah Kampar
Majlis Daerah Lenggong
Majlis Daerah Pengkalan Hulu
Majlis Daerah Perak Tengah
Majlis Daerah Selama
Majlis Daerah Tanjong Malim
Majlis Daerah Tapah

KELANTAN

Majlis Daerah Bachok
Majlis Daerah Gua Musang
Majlis Daerah Jeli
Majlis Daerah Dabong
Majlis Daerah Kuala Krai
Majlis Daerah Machang
Majlis Daerah Pasir Mas
Majlis Daerah Pasir Puteh
Majlis Daerah Tumpat

TERENGGANU

Majlis Bandaraya Kuala Terengganu
Majlis Perbandaran Kemaman
Majlis Perbandaran Dungun
Majlis Daerah Besut
Majlis Daerah Hulu Terengganu
Majlis Daerah Marang
Majlis Daerah Setiu

SELANGOR

Majlis Bandaraya Shah Alam
Majlis Bandaraya Petaling Jaya
Majlis Bandaraya Subang Jaya
Majlis Perbandaran Ampang Jaya
Majlis Perbandaran Kajang
Majlis Perbandaran Klang
Majlis Perbandaran Selayang
Majlis Perbandaran Sepang
Majlis Perbandaran Kuala Langat
Majlis Perbandaran Hulu Selangor
Majlis Perbandaran Kuala Selangor
Majlis Daerah Sabak Bernam

PAHANG

Majlis Bandaraya Kuantan
Majlis Perbandaran Temerloh
Majlis Perbandaran Bentong
Majlis Daerah Bera
Majlis Daerah Cameron Highlands
Majlis Daerah Jerantut
Majlis Daerah Lipis
Majlis Daerah Maran
Majlis Daerah Pekan
Majlis Daerah Raub
Majlis Daerah Rompin

WILAYAH PERSEKUTUAN

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

NEGERI SEMBILAN

Majlis Bandaraya Seremban
Majlis Perbandaran Port Dickson
Majlis Perbandaran Jempol
Majlis Daerah Jelebu
Majlis Daerah Kuala Pilah
Majlis Daerah Rembau
Majlis Daerah Tampin

JOHOR

Majlis Bandaraya Johor Bahru
Majlis Bandaraya Iskandar Puteri
Majlis Bandaraya Pasir Gudang
Majlis Perbandaran Batu Pahat
Majlis Perbandaran Kluang
Majlis Perbandaran Muar
Majlis Perbandaran Kulai
Majlis Perbandaran Segamat
Majlis Perbandaran Pengerang
Majlis Perbandaran Pontian
Majlis Daerah Kota Tinggi
Majlis Daerah Labis
Majlis Daerah Mersing
Majlis Daerah Simpang Renggam
Majlis Daerah Tangkak
Majlis Daerah Yong Peng

MELAKA

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah
Majlis Perbandaran Alor Gajah
Majlis Perbandaran Jasin
Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya

SABAH

Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
Majlis Perbandaran Sandakan
Majlis Perbandaran Tawau
Majlis Daerah Beufort
Majlis Daerah Beluran
Majlis Daerah Keningau
Majlis Daerah Kinabatangan
Majlis Daerah Kota Belud
Majlis Daerah Kota Marudu
Majlis Daerah Kuala Penyu
Majlis Daerah Kunak
Majlis Daerah Lahad Datu
Majlis Daerah Nabawan
Majlis Daerah Papar
Majlis Daerah Penampang
Majlis Daerah Ranau
Majlis Daerah Semporna
Majlis Daerah Sipitang
Majlis Daerah Tambunan
Majlis Daerah Tenom
Majlis Daerah Tuaran
Majlis Daerah Putatan
Majlis Daerah Pitas
Majlis Daerah Tongod
Majlis Daerah Telupid
Lembaga Bandaran Kudat



SARAWAK

Dewan Bandaraya Kuching Utara
Majlis Bandaraya Kuching Selatan
Majlis Bandaraya Miri
Majlis Perbandaran Padawan
Majlis Perbandaran Sibu
Majlis Perbandaran Kota Samarahan
Lembaga Kemajuan Bintulu
Majlis Daerah Bau
Majlis Daerah Betong
Majlis Daerah Dalat dan Mukah
Majlis Daerah Kanowit
Majlis Daerah Kapit
Majlis Daerah Lawas
Majlis Daerah Limbang
Majlis Daerah Luar Bandar Sibu
Majlis Daerah Lubok Antu
Majlis Daerah Lundu
Majlis Daerah Maradong dan Julau
Majlis Daerah Marudi
Majlis Daerah Matu dan Daro
Majlis Daerah Saratok
Majlis Daerah Sarikei
Majlis Daerah Serian
Majlis Daerah Simunjan
Majlis Daerah Sri Aman
Majlis Daerah Subis

Modified PBT

Berikut merupakan agensi yang diberi kuasa oleh Kerajaan Negeri untuk menjalankan fungsi PBT:

Perbadanan Putrajaya (WP)
Perbadanan Labuan (WP)
PBT Taman Perindustrian HiTech Kulim (Kedah)
Lembaga Pembangunan Tioman (Pahang)

06

PELAN TINDAKAN

TERAS 1: ORGANISASI BERDAYA MAJU, RESPONSIF DAN ADAPTIF

STRATEGI		PELAN TINDAKAN	PENUNJUK	TEMPOH PELAKSANAAN	PELAKSANA	KEBERHASILAN (*OUTCOME*)
1.1	Membudayakan amalan integriti	a. Menerapkan Pelan Anti-Rasuah Nasional (NACP) di PBT	• Mendapatkan pensijilan ISO 37001 Anti-Rasuah • Mendapatkan Sijil Audit Bersih • Melaksanakan Ikrar Integriti / *Corporate Integrity Pledge* • Kajian Kepuasan Pelanggan merangkumi isu anti-rasuah/ nepotism/ hadiah/ sagu hati • Pelaksanaan OACP di peringkat PBT	2022-2025 2022-2025 2022 2022-2030 2022-2025	KPKT KPKT JKT I-KPKT PBN PBT	• PBT yang berimej tinggi (komuniti dan antarabangsa) • Peningkatan kepercayaan rakyat • Bilangan kes integriti menurun
		b. Memperkasakan penguatkuasaan strategik secara bersepadu	• Meningkatkan kesedaran dan pematuhan orang awam berkaitan UUK • Pelaporan kerjasama dengan dengan agensi penguatkuasaan yang lain. • Pelaksanaan bersepadu bersama agensi kerajaan lain seperti pihak PDRM, imigresen, kastam dan JAS • Membangunkan tatacara pendakwaan yang cekap, cepat dan berkesan. • Hebahan undang-undang	2022-2030 2022-2030 (1 kali setahun) 2022-2030 2022-2025	PBN PBT	
		c. Memperkasa pelaksanaan pengurusan integriti	• Melaksanakan Modul Integriti seperti *fireside*, webinar dan seminar • Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) • Melaksanakan naziran integriti • Program kerjasama pengukuhan integriti • Penglibatan di dalam jawatankuasa pemantauan pelaksanaan pengurusan integriti	2022-2030 2022-2030 2022-2030 2022-2030 2022-2030	KPKT KPKT JKT I-KPKT PBN PBT	
		d. Melaksanakan Modul Integriti seperti Seminar dan Bengkel	• Modul Integriti digubal berdasarkan Arahan No.1 YAB PM dan SPRM • Program kerjasama pengukuhan integriti dengan agensi luar seperti SPRM, PDRM, AADK dan IIM	2022 2022-2030	KPKT KPKT JKT I-KPKT PBN PBT	
1.2	Memperkasa pengurus bandar dan ahli majlis	a. Membangunkan Jawatankuasa Pencarian Bakat (*Search Committee*) bagi jawatan pengurusan tertinggi PBT (Datuk Bandar/ Yang Dipertua/ Setiausaha/ Ahli Majlis)	• Pindaan Akta 171 yang berkaitan • Penyelarasan Pembentukan Jawatankuasa dengan Jabatan/ Agensi berkaitan • Persidangan/ mesyuarat *Search Committee* PBT • *Talent pool* pegawai PBT	2022 2023-2025 2026-2030 2026-2030	PBN KPKT	• Pegawai berkompetensi dan mempunyai daya kepimpinan tinggi dalam organisasi • Peningkatan pelantikan pegawai yang mempunyai kelayakan cemerlang dalam bidang berkaitan meliputi akademik/ pengalaman
		b. Memperkasa peranan dan imej Pegawai dan Anggota Penguatkuasa PBT	• Pindaan Akta 171 yang berkaitan • Pemantapan kompetensi dan imej pegawai penguatkuasa (contoh: Pakaian seragam anggota penguatkuasa) • Pindaan UUK	2022 2023-2025 2023-2026	PBN PBT	• Penguatkuasaan yang lebih berkesan • Anggota penguatkuasa mempunyai kemahiran dalam menasihat dan memberi panduan/ tunjuk ajar kepada komuniti/ individu sebelum melaksanakan penguatkuasaan

STRATEGI		PELAN TINDAKAN	PENUNJUK	TEMPOH PELAKSANAAN	PELAKSANA	KEBERHASILAN (*OUTCOME*)
		c. Memastikan penyertaan pegawai dan kakitangan PBT dalam kursus kepimpinan, ekonomi serta kursus-kursus pemantapan kemahiran dan pengetahuan lain-lain	• Peningkatan penyertaan kursus dalam kalangan pengurusan tertinggi, pegawai dan kakitangan PBT • Penyediaan modul kursus bersifat yang pelbagai dan berkualiti • Senarai kursus yang wajib (*Competency Based Training*) diikuti oleh pegawai kanan serta kakitangan PBT • Penyediaan modul kursus	2022 2022 2022 2022	BH KPKT I-KPKT PBN PBT	Peningkatan pencapaian KPI
		d. Memastikan penglibatan sekurang-kurangnya 30% kaum wanita sebagai Ahli Majlis PBT	Peningkatan Ahli Majlis Wanita PBT	2022-2030	PBN PBT	Peningkatan inklusiviti dengan pertambahan jumlah wanita dalam PBT
		e. Memastikan penglibatan sekurang-kurangnya 1% golongan OKU sebagai anggota PBT	Membuka peluang 1% perjawatan terdiri daripada golongan OKU	2022-2030	PBN PBT	Peningkatan inklusiviti dengan pertambahan jumlah golongan rentan dalam PBT
		f. Melaksanakan program *cross fertilization* dan pusingan kerjasecara *vertical* dan *horizontal*	• Mewujudkan garis panduan/ kriteria kelayakan. • Pemetaan kerjaya	2026-2030	KPKT PBN PBT	Peningkatan kemahiran dan pengalaman pegawai
		g. Meningkatkan tahap kualiti sumber manusia bagi memenuhi keperluan industri	• Melantik tenaga kerja berkemahiran tinggi dan berkelayakan bagi memenuhi keperluan kepakaran teknikal dalam industri • Menyediakan kursus dan latihan yang berkaitan dengan kepakaran masing-masing • Menggalakkan pegawai melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi	2023-2025 2023-2025 2022-2030	PBN PBT	Peningkatan modal insan berbakat dan berkemahiran tinggi yang menepati permintaan industri tempatan
1.3	Memantapkan tadbir urus	a. Semakan dasar dan prosedur perundangan	• Menyemak semula undang-undang sedia ada • Meminda atau menggubal undang-undang sesuai dengan keperluan dan kehendak PBT	2022 2023-2030	KPKT JKT PBN PBT	Tahap Kecemerlangan kerja yang lebih tinggi dan memberi kepuasan kepada rakyat
		b. Mematuhi kriteria sistem penarafan yang telah ditetapkan oleh pemegang taruh	Pematuhan terhadap kriteria (cth: ISO, SPB-PBT, Murninet, indikator SDGs, Pelan Strategik)	2023-2030	PBT	
		c. Membudayakan cara kerja proaktif, fasilitatif, berorentasikan pelanggan serta melaksanakan penambahbaikan berterusan	• Memudahcara pelanggan dalam urusan perkhidmatan PBT berkaitan pelesenan, penguatkuasaan • Aktiviti turun padang dan Hari Bertemu Pelanggan • Melaksanakan kajian/ *survey/ assessment/* laporan pemantauan • Pembudayaan inovasi - Pelaksanaan Program inovasi seperti KIK	2022-2030 2022-2030 2022-2030 2022-2030	PBT	
1.4	Memperkasa pengurusan aduan	a. Mengukuhkan Sistem Pengurusan Aduan Atas Talian	• Menerimapakai Sistem i-Tegur sebagai aplikasi aduan yang utama • Mempromosi Sistem i-Tegur KPKT	2022-2030 2022-2030	PBN PBT KPKT	Pengurusan aduan yang efisien dan efektif

STRATEGI		PELAN TINDAKAN	PENUNJUK	TEMPOH PELAKSANAAN	PELAKSANA	KEBERHASILAN (*OUTCOME*)
		b. Meningkatkan *response time* kepada tindakan aduan	• Tindak balas pantas dalam pengurusan aduan • Mematuhi piagam pelanggan yang telah dibangunkan oleh PBT • Laporan tahunan pengurusan aduan	2022-2030 2022-2030 2022-2030	PBT	
1.5	Memastikan kesiapsiagaan kepada sebarang risiko ancaman dan bencana alam	a. Menubuhkan Jawatankuasa Kerja Pengurusan Bencana di PBT	• Menubuhkan bilik gerakan peringkat PBT • Menyediakan inventori/ peralatan keselamatan/ bencana • Mengenalpasti kawasan *hotspot* dan berisiko tinggi mengikut kawasan yang tertentu • Bekerjasama dalam aspek kawalan bencana dan pencegahan merangkumi pelbagai agensi/ PBT • Menambahbaik dan memperkemas pengurusan bencana serta respon antara agensi • Laporan pengurusan bencana PBT disediakan	2022 2022 2022 2022-2030 2022-2030 2022-2030	PBN PBT	• Peningkatan kadar respon PBT kepada bencana/ kecemasan • Kepekaan dan kepatuhan penduduk terhadap pengurusan bencana • Peningkatan daya tahan komuniti terhadap bencana
		b. Mewujudkan Pelan Pengurusan Risiko/ Pelan Kesinambungan Operasi dan melaksanakannya dengan bersepadu dan aktif	• Membangunkan panduan/ SOP pengurusan risiko melalui pelaksanaan bengkel bersama PBT/ Agensi dengan merujuk kepada Rancangan Pemajuan dan GPP yang bersesuaian • Melaksanakan program mitigasi untuk mengurangkan risiko bencana/ kecemasan serta mencegah pengwujudan risiko baru	2022 2022-2030	PBN PBT	
1.6	Meningkatkan perkhidmatan perbandaran melalui aplikasi digital	a. Memperluaskan penggunaan perkhidmatan digital bersepadu bersama PBT/ PBN/ Pihak Swasta	• Transaksi perkhidmatan yang berteraskan digital meningkat yang meliputi pengangkutan, kemudahan awam, fasiliti, aduan, pelancongan, pusat perniagaan dan lain-lain • Meningkatkan perkhidmatan atas talian (*end to end*)	2023-2030 2023-2030	PBN PBT	Peningkatan penggunaan platform digital dalam pentadbiran PBT
		b. Menggalakkan dan mempromosi pembayaran secara atas talian	Melaksanakan inisiatif pembayaran atas talian	2022-2023	PBT	
1.7	Mewujudkan bank data yang fleksibel dan bersepadu (*integrated*)	a. Menyediakan satu sistem integrasi data terpilih dalam kawasan PBT	• Sistem bank data berintegrasi di peringkat lokaliti dibangunkan • Merekod maklumat pemilik premis / isi rumah dalam kawasan PBT bagi tujuan pemberian bantuan, pemantauan dan penguatkuasaan	2022-2025 2022-2030	KPKT PBN PBT	• Pembuatan keputusan yang lebih tepat berdasarkan data yang lengkap • *Data Driven Decision Making* (DDDM)
		b. Menambah baik perkongsian data terbuka dan memastikan data dapat diakses oleh rakyat	Penerbitan dan perkongsian laporan tahunan dan penyata kewangan melalui platform digital	2022-2030	PBT	• Kapasiti perancangan, pelaksanaan dan pemantauan ditingkatkan • Peningkatan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan PBT dengan lebih mudah, cepat dan telus serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi setempat

TERAS 2: PENGURUSAN BANDAR YANG BERDAYA HUNI DAN MAMPAN

	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PENUNJUK	TEMPOH PELAKSANAAN	PELAKSANA	KEBERHASILAN (*OUTCOME*)
2.1	Melaksanakan pembangunan berasaskan Rancangan Tempatan (RT)	a. Memberi pemahaman tentang Rancangan Tempatan (RT) kepada pemegang taruh seperti pemain industri	• Melaksanakan Sesi Libat Urus dan Sebaran Awam secara berkala • Mengadakan sesi townhall dengan pemegang taruh • Melaksanakan kaji selidik	2022-2030 2022-2030	PLANMalaysia PBT	• Peningkatan penglibatan rakyat dalam keputusan pembangunan bandar • Melicinkan proses pembangunan
		b. Melaksanakan pembangunan dengan kaedah pengunaan tanah secara optimum (*optimum land use*) dan terancang	• Penyediaan RT berasaskan *efficient land use* • Pelaksanaan *feasibility study* • Mengambil kira keseimbangan/ peratusan piawaian antara pembangunan fizikal dan pengekalan sumber semulajadi	2023-2025	PBT	
		c. Memastikan pembangunan baharu di kawasan PBT dibina berdasarkan reka bentuk sejagat (*universal design*)	• Perancangan pembangunan dan prasarana baharu yang mesra golongan rentan • Pematuhan kepada UBBL dan Garis Panduan Reka Bentuk Sejagat	2023-2025 2022-2030	KPKT JKT PBT	
2.2	Mengukuhkan pelaksanaan bandar mampan sejajar dengan SDGs	a. Melaksanakan inisiatif pengangkutan rendah karbon	• Menganjurkan program *car free day / CO free day* • Menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dan e-mobiliti • Mewujudkan dasar / garis panduan berkenaan teknologi hijau di peringkat negeri/ PBT • Menyediakan laluan basikal dan laluan pejalan kaki	2026-2030 2022-2030 2022-2030 2022-2030	PBT	Pengurangan jejak karbon (*carbon footprint*) dalam keseluruhan Bandar
		b. Meningkatkan penggunaan tenaga diperbaharui seperti tenaga solar, biogas dan biojisim berbanding tenaga keseluruhan	• Melaksanakan kempen kesedaran tenaga mampan atau diperbaharui • Peningkatan inisiatif program tenaga mampan atau diperbaharui • Meletakkan tenaga boleh diperbaharui sebagai elemen tambahan dalam kebenaran merancang (KM)	2026-2030 2026-2030 2026-2030	PBN PBT	
2.3	Merancakkan pembangunan bandar pintar	a. Perancangan pembangunan bandar pintar yang mampan	• Penyediaan *Blueprint*/ Pelan Tindakan/ *Road Map*/ Rangka Kerja/ Perancangan Pembangunan di peringkat bandar/ PBT • Memperkasa tadbir urus dengan mewujudkan Jawatankuasa / Unit atau melantik PIC bagi mengurus dan memantau pelaksanaan bandar pintar di PBT • Peningkatan kerjasama PBT dengan pelbagai Kementerian/ Agensi Kerajaan	2022-2025 2024-2030 2022-2030	KPKT PBN PBT	Amalan pengurusan bandar yang lebih cekap serta meningkatkan kualiti hidup rakyat
		b. Memudahcara dan meningkatkan kerjasama bagi menaiktaraf infrastruktur digital	• Peningkatan kerjasama strategik dengan agensi kerajaan/ swasta bagi menaiktaraf infrastruktur digital • Peningkatan capaian jalur lebar/ internet	2022-2025 2022-2025	KPKT PBN PBT	
		c. Memperluas pelaksanaan inisiatif bandar pintar di bawah Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia	• Pelaksanaan sekurang-kurangnya tujuh inisiatif bandar pintar bagi PBT bertaraf Bandaraya • Pelaksanaan sekurang-kurangnya lima inisiatif bandar pintar bagi PBT bertaraf Majlis Perbandaran • Pelaksanaan sekurang-kurangnya tiga inisiatif bandar pintar bagi PBT bertaraf Majlis Daerah	2022-2025 2023-2028 2023-2030	KPKT PBN PBT	

STRATEGI		PELAN TINDAKAN	PENUNJUK	TEMPOH PELAKSANAAN	PELAKSANA	KEBERHASILAN (*OUTCOME*)
2.4	Menyokong pelaksanaan circular economy (CE)	a. Menggalakkan amalan 3R dan pengasingan sisa di punca	• Menyediakan tempat pengumpulan barangan kitar semula dan tong khusus/plastik untuk sisa organik/makanan kepada isi rumah • Menyediakan kemudahan pengumpulan dan pemprosesan sisa organik / makanan di PBT untuk menghasilkan baja kompos bagi kegunaan tapak semaian PBT • 70% PBT yang melaksanakan program pengasingan sisa di punca • Tempat pengumpulan kitar semula setempat boleh ditempatkan di setiap PBT dan kawasan komuniti perumahan	2026-2030 2026-2030 2026-2030 2026-2030	KPKT PBN PBT	• Pengurangan jumlah sisa pepejal ke tapak pelupusan (minimal) • Peningkatan kadar kitar semula kebangsaan • Memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan
		b. Menggalakkan penggiat industri melaksanakan CE	• Mewujudkan Anugerah Penggiat Industri yang yang berkaitan CE. • Menjadikan aktiviti kitar semula sebagai satu model perniagaan (*Business model*) yang menguntungkan kembali komuniti dan pihak PBT • Menggalakkan penggiat industri menggunapakai konsep rekaan produk yang boleh dikitar semula dan membeli kembali produk lama dari pusat sehenti penduduk bagi penghasilan produk baru	2023-2030 2023-2030 2023-2030	KPKT PBN PBT	
		c. Meningkatkan pengetahuan, sikap dan amalan dalam pengurusan sisa pepejal ke arah ekonomi kitaran	• Melaksanakan/ memperkukuh pelaksanaan program-program kesedaran masyarakat seperti kempen kesedaran dan promosi • Membudayakan amalan pembuangan sampah dengan betul	2022-2030 2022-2030	PBT	
2.5	Menggalakkan penerapan pembangunan hijau	a. Memastikan semua tanah lapang dan kawasan rekreasi dikekalkan/ diwartakan	• Peningkatan pewartaan tanah lapang dan kawasan rekreasi • Memastikan 50% kawasan lapang dikekalkan (hijau) • Menyemak semula kawasan *brownfield* untuk pembangunan baharu.	2022-2030 2022-2030 2022-2026	PBT	Bandar terancang dengan penerapan elemen hijau
		b. Meningkatkan kawasan hijau di dalam kawasan PBT	• Penyediaan Pelan Tindakan dan cadangan khusus bagi pelaksanaan penanaman pokok dan landskap dalam kawasan PBT • Menanam pokok-pokok teduhan di kawasan pejalan kaki/ berbasikal / kawasan yang strategik	2022-2024 2022-2030	PBT	
2.6	Memperkukuh sistem perkhidmatan perbandaran yang bersepadu (*integrated*)	a. Membangunkan sistem perbandaran bersepadu yang mengintegrasikan pelbagai sistem dan maklumat	• Mewujudkan Pusat Pengumpulan Data Bersepadu di PBT • Penggunaan teknologi baharu muncul (cth : *Internet of Things* (IoT), *Cloud*, *Building Information Modelling* (BIM))	2023-2030 2025-2030	KPKT JKT PBN PBT	Pewujudan satu sistem bersepadu dan teratur
		b. Pemantauan data aset/ infrastruktur di bawah seliaan/ kawalan PBT	• Membangunkan mekanisma pemantauan aset dan infrastruktur seperti jalan, saliran, lampu jalan, cerun, badan air	2026-2030	PBT	

TERAS 3: REKAYASA SUMBER KEWANGAN

STRATEGI		PELAN TINDAKAN	PENUNJUK	TEMPOH PELAKSANAAN	PELAKSANA	KEBERHASILAN (*OUTCOME*)
3.1	Memperkukuh pengurusan kewangan	a. Melaksanakan kawalan perbelanjaan melalui pelaksanaan perbelanjaan berhemah (*value for money*)	Mengenal pasti inisiatif kawalan perbelanjaan (cth: pekeliling dalaman & sistem belanjawan)	2022-2023	PBT	Peningkatan pendapatan PBT dan pewujudan kepelbagaian sumber kewangan
		b. Meningkatkan kutipan hasil	• Melaksanakan aktiviti penguatkuasaan (tindakan & kawalan) • Melaksanakan semakan semula kadar denda/ kompaun • Melaksanakan semakan semula kadar cukai taksiran semasa dan mewartakannya setelah mendapat kelulusan	2022-2030 2022-2025 2022-2025	KPKT PBN PBT	
3.2	Menjana sumber kewangan dan pendapatan baharu bagi PBT	a. Meneroka dan meningkatkan sumber-sumber yang berpotensi untuk menjana pendapatan dalam kawasan PBT	• Mengenal pasti aset-aset berpotensi semulajadi PBT. (cth: pelancongan, warisan, tanah lapang, bangunan PBT) • Melaksanakan kajian kebolehlaksanaan aktiviti ekonomi setempat • Melaksanakan Rancangan Tempatan Khas (RTK) • Melaksana kerjasama dengan agensi kerajaan/ swasta berkaitan • Mempelbagaikan bentuk pelaburan • Melaksanakan caj pemajuan	2023-2025 2022-2025 2022-2023 2022-2023 2022-2030 2022-2030	KPKT JKT PBN PBT	Peningkatan kebolehan PBT untuk menjana pendapatan sendiri
		b. Membangunkan kawasan sedia ada dan baharu	• Mengenal pasti kawasan berpotensi • Merangka serta memajukan kawasan baharu dan sedia ada termasuk tanah wakaf dan kawasan *brownfield* • Mempromosi potensi pembangunan baharu dan sedia ada	2023-2025 2026-2030 2026-2030	PBN PBT KPKT	
3.3	Merancakkan ekonomi lokaliti dan produk tempatan	a. Merancakkan program sosio-ekonomi komuniti	• Program libat urus melalui platform Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti (PSMK) • Menyelaras dan memadankan bantuan daripada pelbagai agensi • Memperluaskan Program Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB)	2023-2025 2023-2025 2023-2025		Peningkatan pendapatan PBT dan mempromosi kawasan setempat
		b. Menyediakan kemudahan infrastruktur perniagaan dan insentif yang bersesuaian untuk menarik pelaburan	• Merencanakan aktiviti/program ekonomi setempat secara strategik dan berkesan (cth: pasar malam, bazar) • Menerokai peluang berteraskan ekonomi digital • Peningkatan infrastruktur sosio-ekonomi dan permintaan pasaran	2022-2025 2022-2025 2026-2030	KPKT JKT PBN PBT	

TERAS 4 : PEMERKASAAN HUBUNGAN DAN KOLABORASI STRATEGIK

	STRATEGI	PELAN TINDAKAN	PENUNJUK	TEMPOH PELAKSANAAN	PELAKSANA	KEBERHASILAN (*OUTCOME*)
4.1	Merakyatkan program yang dilaksanakan PBT	a. Menyediakan platform dua hala antara PBT dan penduduk	• Melaksanakan program libat urus seperti *town hall*, *participatory budgeting* dan gotong royong sama ada secara maya atau fizikal • Penubuhan Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) • Program perjumpaan PBT Bersama Ahli Parlimen/ ADUN • Perjumpaan Ahli Majlis bersama penduduk	2022-2030 2022-2030 2022-2030 2022-2030	PBN PBT	Penglibatan Rakyat dalam proses perancangan dan pembuatan keputusan
		b. Mendidik masyarakat untuk lebih peka kepada ketetapan undang-undang dan peraturan	• Melaksanakan program libat urus dalam membuat undang-undang/ peraturan /SOP • Melaksanakan aktiviti penguatkuasaan dengan melibatkan rakyat sepertirondaan Sukarela & Rukun Tetangga • Kempen kesedaran undang-undang di pelbagai peringkat atau kumpulan sasaran menggunakan platform yang bersesuaian	2023-2025 2022-2030 2022-2030	PBN PBT	
		c. Melaksanakan program masyarakat mampan	• Peningkatan pelaksanaan program LA21/ SDGs • Pelaporan pencapaian program LA21/ SDGs	2022-2030 2022-2030	PBT	
4.2	Memperkasa Pembangunan Komuniti	a. Merangka dan melaksanakan Pelan Pembangunan Komuniti	• Pelan Pembangunan Komuniti dibangunkan • Memperkemas dan memperkasa peranan unit/ jabatan berkaitan • Melaksana program pembangunan komuniti	2022-2023 2022-2023 2022-2030	PBN PBT	Manfaat optimum yang diterima oleh komuniti
4.3	Meningkatkan kolaborasi dengan rakan strategik	a. Memperkukuh kerjasama strategik dengan pihak Kementerian/ agensi awam/ institusi pendidikan dan pihak NGO/swasta	• Membangunkan plan strategik program kolaborasi • Melaksana Program kolaborasi strategik bersama pihak berkaitan • Peningkatan Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) • Mempermudahkan prosedur pelaksanaan program atau aktiviti yang dijalankan secara kolaborasi dengan pihak NGO/ pihak swasta	2022-2023 2024-2030 2022-2030 2022-2030	PBN PBT	• Peningkatan program penglibatan pihak Agensi Awam/ Swasta/ NGO bersama komuniti • Peningkatan penyelarasan dan kerjasama di antara Jabatan/ Agensi • Perkongsian sumber yang lebih efisien
		b. Membangunkan kerjasama strategik di peringkat Antarabangsa menerusi penyelarasan dan pemantauan daripada KPKT	• Pembangunan pelan kerjasama kolaborasi strategik • Penglibatan/Penganjuran dalam program antarabangsa (cth: UNDP, Hari Habitat, WUF, *Smart City* dll) • Aktiviti perkongsian ilmu berkaitan *transfer of technology* dan *knowledge sharing* antara PBT	2022-2023 2024-2030 2024-2030	KPKT PBN PBT	
4.4	Memartabatkan Budaya dan Warisan Setempat	a. Memperkasakan Unit/ Bahagian Pelancongan, Budaya dan Warisan di PBT	Pembangunan Pelan Strategik Unit/ Bahagian Pelancongan, Budaya dan Warisan dilaksanakan	2022-2023	PBN PBT	Pengekalan warisan dan budaya tempatan sebagai imej PBT
		b. Memberi keutamaan kepada elemen warisan dalam pembangunan kawasan	• Bangunan warisan diperkasa • Menerapkan elemen estetika budaya tempatan dalam pembangunan baharu	2026-2030 2026-2030	PBN PBT	

STRATEGI		PELAN TINDAKAN	PENUNJUK	TEMPOH PELAKSANAAN	PELAKSANA	KEBERHASILAN (*OUTCOME*)
		c. Menerokai dan mempromosi budaya/ produk setempat sebagai imej sesebuah PBT	• Pelaksanaan kajian pelan induk perancangan fizikal pelancongan khusus untuk mempromosi dan mengetengahkan produk dan imej serta budaya tempatan • Penghasilan produk yang menjadi identiti sesebuah lokaliti seperti kraftangan, makanan, struktur bangunan dan pelancongan • Mempromosi budaya/ produk setempat • Meneroka pelancongan secara maya secara kolaborasi bersama industri pelancongan setempat untuk penyediaan input *video live*/ *Augmented Reality* (AR) secara maya	2022-2023 2022-2030 2022-2030 2022-2030	PBN PBT	
4.5	Memaksimakan potensi komunikasi media dan aplikasi *real time*	a. Memperkasa Pelan Komunikasi Media	• Membangunkan pelan komunikasi yang bersifat *people centric* • Laman sesawang dan media sosial PBT dikemaskini secara berkala dan konsisten • Membentuk pasukan komunikasi media bersifat *people centric* • Peningkatan kolaborasi strategik bersama pihak media	2022-2022 2022-2030 2022-2023 2022-2030	PBN PBT	• Penyebaran maklumat secara efisien kepada rakyat • Mendidik komuniti ke arah masyarakat madani
		b. Menggunakan media sosial sebagai medium hebahan dan salah satu kaedah pengumpulan data dalam melaksanakan pembangunan di PBT	• Melaksanakan hebahan maklumat/ program PBT melalui media sosial • Membangunkan platform media sosial sebagai medium pengumpulan data/ survei	2022-2030 2022-2023	PBN PBT	